

(1) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Tajuk : Jangan banga Diri.

Salbiah berasa bangga atas kebolehnnya berpidato dengan baik. Di sekolahnya, tiada siapa yang dapat menandingi. Kepetahannya berpidato. Dia menjadi juara setiap kali pertandingan berpidato diadakan.

Namun, kedatangan murid baru di sekolah itu telah mencabar kedudukan Salbiah. Murid baru itu juga merupakan seorang pemidato yang handal. Dia telah menjuarai pertandingan di pelbagai peringkat. Nama murid baru itu ialah Amira.

Salbiah mencemburi Amira. Malah dia tidak mahu berkenalan dengan Amira.

Pertandingan pidato peringkat sekolah diadakan untuk memilih wakil sekolah ke peringkat Zon. Salbiah dan Amira telah menyertai pertandingan itu. Keputusan Amira telah menang. Salbiah berasa marah dan kecewa. Dia tidak dapat menerima kekalahan itu.

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines, typical of primary school writing paper. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Tajuk: Contohi sikap Aiman.

Aiman telah membantu Ishak dengan mengeluarkan duit simpanan. Tetapi, akhirnya dia dapat tahu bahawa Ishak berbohong terhadapnya. Ishak membelanjakan wang yang diberikannya dengan bermain di pusat permainan video.

[illegible]

(3) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Tajuk : Membantu Ibu.

Ketika sampai di rumah, Fatin melihat ibunya dengan menjemur pakaian. Fatin menghapiri ibunya lalu menolong ibunya maenjemur pakain.

Kemudian, Fatin masuk ke dalam rumah. Fatin ke dapur untuk membersihkan pinggan-mangkuk. Dia juga menolong ibunya menyediakan masakan untuk makan tengah hari. Selepas makanan siap dimasak, Fatin menghidangkan makanan di atas meja.

Sebelum makan, Fatin mandi untuk membersihkan dan menyegarkan badannya. Kemudian, dia memanggil adik-adiknya untuk makan bersama-sama. Fatin membaca doa sebelum makan. Dia makan dengan tertib dan mengunyah makanan dengan perlahan.

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines, typical of primary school writing paper. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(4) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Tajuk : Cikgu Rahman.

Rahman ialah seorang guru di sebuah sekolah. Beliau mengajar di sebuah sekolah di ibu kota. Cikgu Rahman telah mengajar selama 5 tahun. Sepanjang tempoh itu, beliau telah mendapat pelbagai pengalaman pahit dan manis. Pengalaman paling manis apabila muridnya mendapat kejayaan cemerlang. Beliau berasa puas menuai hasilnya.

Cikgu Rahman amat dihormati oleh rakan-rakan dan anak muridnya. Cikgu Rahman ialah seorang yang tegas tetapi penyayang di dalam kelas. Beliau mahu semua muridnya faham dan mendapat kejayaan cemerlang. Jika ada muridnya yang tidak faham apa yang diajarnya, beliau akan mengadakan kelas khas.

Selain itu, Cikgu Rahman juga mengadakan kelas tambahan khas untuk murid-murid yang akan menduduki UPSR. Ibu bapa dan pengaja pelajar pula sentiasa memberi sokongan dan kerjasama kepada Cikgu Rahman. Cikgu Rahman ialah seorang guru yang perlu dicontohi oleh guru-guru lain di seluruh Negara.

[illegible]

(5) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**

Tajuk : Rutin harian Haziq.

Pada setiap pagi Haziq bersarapan untuk mengalaz perut sebelum pergi ke sekolah. Dia juga membawa bekal untuk dimakan pada waktu rehat. Dia tidak mahu makan makanan yang tercemar dan tidak terjamin kebersihannya. Jadi, Haziq tidak perlu beratur untuk membeli makanan di kantin. Tindakan ini bukan sahaja menjimatkan perbelanjaannya, malahan menjimatkan masa. Selepas makan pada waktu rehat, Haziq berkesempatan membaca buku cerita kegemarannya juga. Sebenarnya, Haziq gemar makan coklat, gula-gula, dan aiskrim, namun ia tidak mahu gigi. Oleh itu Haziq kurang makan makanan tersebut. Ibu bapanya pula amat menggalakkan Haziq banyak makan buah-buahan dan sayur-sayuran. Dengan amalan pemakanan yang baik, Haziq menjadi sihat dan cerdas

[illegible]

(6) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**

Tajuk: Keluarga Liana.

Pada hari itu, ibu bapa Liana pulang agak lewat ke rumah. Sebagai anak sulung, Liana akan memastikan dua orang adiknya menyiapkan kerja rumah terlebih dahulu. Adiknya pula akan mengikut arahan Liana.

Liana dan adik-adiknya amat menghormati di antara satu sama. Mereka jarang bergaduh dan berselisih faham. Setelah memastikan adik-adiknya membuat kerja rumah, Liana akan membersihkan rumah dengan menyapu dan membasuh pinggan-mngkuk. Kemudian, Liana akan memasak nasi kerana lauk telah dimasak oleh ibu mereka. Selesai kerja itu, Liana akan minum petang bersama adik-adiknya dan selepas itu mereka akan mandi.

Liana tahu jika dia tidak berbuat demikian, siapa lagi yang hendak diharapkan? Jika ibu bapanya sanggup bertungkus-lumus untuk menyara mereka adik-beradik, mengapa dia tidak sanggup berkorban untuk adik-adiknya.

[illegible]

(7) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**

Tajuk : Akibat nakal.

Munir budak yang pintar. Dia berada dalam Tahun Enam. Sayangnya, Munir tidak pandai memilih kawan. Dia suka bergaul degan budak-budak nakal. Walaupun ibu Munir sering menasihatinya, Munir tidak mengendulkannya. Munir tetap berdegil dan masih berkawan dengan budak-budak nakal tersebut.

Pada suatu hari, Munir dan rakan-rakannya ponteng sekolah. Mereka merayau-rayau di Bandar. Sewaktu hendak melintas jalan, mereka tidak menggunakan jejantas yang disediakan. Mereka tidak menghiraukan undang-undang jalan raya. Mereka berlari dan meluru laju ketika melintas walaupun jalan raya sibuk dan berbahaya. Sebuah kereta yang laju melalui jalan itu telah melanggar Munir. Dia terpelanting di tepi jalan.

Pemandu kereta yang melanggar Munir telah menghantarnya ke hospital dan membuat laporan polis. Dia memberitahu hal sebenarnya. Dia yakin bahawa dia tidak bersalah. Dia menyatakan bahawa dia memandu dengan had laju yang ditetapkan. Sementara itu, Munir telah dirawat di hospital selama sebulan kerana kakinya patah.

[illegible]

(9) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**

Tajuk : Hazmir tidak sombong lagi.

Hazmir anak tunggal jutawan. Ibu bapanya amat menyayanginya. Hal ini menjadikan Hazmir sombong dan gemar menunjuk-nunjukkan kemewahannya. Dia suka menghina rakan-rakannya yang miskin.

Pada suatu hari, Hazmir kehilangan pennya. Dia menuduh Zubir yang mencuri pen itu. Dia mengatakan Zubir mengambil pennya yang mahal kerana Zubir tidak mampu memilikinya. Zubir menafikan tuduhan itu dan dia sedar walaupun miskin dia tidak akan mengambil barang yang bukan miliknya. Hazmir tidak mempercayai kata-kata Zubir. Zubir berasa amat sedih dengan tuduhan itu.

Selang beberapa hari selepas kejadian itu, semasa dalam perjalanan pulang dari sekolah, Zubir terdengar orang menjerit meminta tolong. Suara itu datang dari arah sungai. Zubir berlari ke tempat kejadian. Rupa-rupanya Hazmir yang terjatuh ke dalam sungai dan tidak tahu berenang. Tanpa membuang masa, Zubir terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Hazmir. Walaupun Hazmir sering menyakitkan hatinya, namun dia tidak mengambil peluang untuk membalas dendam. Dia menyelamatkan Hazmir daripada dihanyutkan air deras. Harchan berasa malu kerana Zubir sudi menyelamatkannya. Dia terus memeluk Zubir dan meminta maaf daripada Zubir. Sejak hari itu, Hazmir tidak sombong lagi.

[illegible]

(10) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**

Tajuk : Tanggungjawab Rakyat mengundi.

Genap sahaja umur 21 tahun, rakyat Malaysia diwajibkan mengundi. Hal ini menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia untuk mengundi. Rakyat perlu berfikir secara nasional dan memilih pemimpin yang bertanggungjawab. Pemimpin yang terpilih pula perlu amanah ketika menjalankan tugasnya. Beliau perlulah peka terhadap masalah rakyat dan mencuba membantu mereka yang memerlukan. Sikap berhemah tinggi perlu diamalkan oleh seseorang pemimpin itu supaya tidak ada rakyat yang diabaikan. Sekiranya pemimpin dan rakyat bekerjasama, negara akan maju dan keharmonian hidup akan tercapai sepanjang masa.

[illegible]

Tajuk : Hobi Amin manfaat penduduk kampung.

Encik Amin tidak pernah mengikuti kursus asas daripada agensi kerajaan atau swasta. Beliau mengusahakannya melalui kajjian dan pengalaman sendiri dengan disulami minat yang mendalam. Masalah pasran bagi beliau tidak menjadi masalah kerana peraih akan datang sendiri membeli hasil ternakannya apabila telah cukup matang. Umir matang ikan keli dianggarkan di antaran empat dan lima bulan. Dengan kdar harga RM2.80 sekilogram, setiap kolam dapat menghasilkan pendapatan bersih RM50 sebulan bagi satu kolam.

[illegible]

Tajuk : Membantu mangsa kebakaran.

Sebaik-baik sahaja tiba, Edward melihat orang ramai bertungkus-lumus membantu mangsa kebakaran dan menyelamatkan barang-barang, malah ada yang mencuba memadamkan kebakaran dengan mengangkut air dari perigi dan paip air. Lima minit kemudian, pasukan Bomba dan Penyelamat tiba di tempat kejadian. Kebakaran itu dapat dipadamkan setelah lima belas minit bertungkus-lumus memadamkannya. Pemilik rumah itu mengucapkan terima kasih kepada anggota Bomba dan Penyelamat dan orang kampung kerana berjaya memadamkan kebakaran daripada terus merebak. Dia bersyukur kerana tidak ada anggota keluarganya yang tercedera.

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines, typical of primary school writing paper. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(13) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**

Tajuk : Membantu kes ugut.

Farid berjoging di taman rekreasi yang berdekatan dengan rumahnya. Dia selalu berjoging untuk menjaga kecergasan badan. Di taman rekreasi itu kelihatan ramai orang berjoging dan bersenam.

Setelah berjoging, Farid pun berjalan pulang ke rumah. Dalam perjalanan pulang, dia ternampak sekumpulan remaja sedang mengugut seorang kanak-kanak lelaki. Mereka meminta wang daripada kanak-kanak lelaki itu.

Farid menghampiri kumplan remaja itu.Farid meminta mereka melepaskan kanak-kanak lelaki itu dan mengharapakan kanak-kanak itu tidak diganggu.Namun, permintaan Farid itu tidak diendahkan.Mereka meminta Farid tidak masuk campur dalam hal itu.

Farid berlalu dari situ. Dia mencari seseorang yang boleh menghalang tindakan kumpulan remaja itu. Akhirnya, Farid bertemu dengan seorang lelaki yang baru pulang dari pejabat. Farid segera meminta bantuan lelaki itu.

Lelaki itu segera menghalang perbuatan kumpulan remaja. Meraka segera berlari apabila lelaki itu mengugut untuk melaporkan perbuatan mereka kepada pihak polis.

This image shows a full page of white paper with horizontal dashed lines, typical of primary school writing paper. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(14) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Tajuk : Semangat Kesukanan.

Arif : Amar, aku dengar engkau akan mewakili sekolah dalam Pertandingan Karate Peringkat Zon Petaling Jaya. Betulkah?

Amar : Sebenarnya pertandingan itu telah tamat pada minggu lepas. Aku berjaya pada tahun ini. Tahun lepas aku kecundang di tangan sahabat kita juga. Aлах, Si Naim tu! Kali ini aku mengalahkannya. Tetapi yang menggembirakan aku ialah kami terpilih untuk ke pertandingan peringkat negeri pada hari Sabtu dan Ahad dua minggu dari sekarang!

Arif : Tahniah, Amar. Kamu berdua memang handal. Aku ini tak tahulah. Entah menang
entah tidak nanti!

Amar: Hei, janganlah lemah semangat! Belum lawan belum tahu, Arif! Engkau perlu ada keyakinan dan keberanaian.

Arif : Tapi...

Amar: Tapi apa? janganlah mengaku kalah sebelum bertanding. Berkat kegigihan engkau berlatih, tentu akan membawa kejayaan yang bermakna nanti.

This image shows a full page of primary-ruled paper. It features multiple horizontal rows of small black dots, which are commonly used as guides for handwriting practice in elementary school. The dots are evenly spaced both vertically and horizontally across the entire page. There are no margins, text, or other markings present.

Tajuk : Fakri insaf.

Fakri berasa insaf. Kini dia menyedari bahawa Fikri amat menyayanginya. Sejak hari itu, hubungan mereka menjadi baik. Mereka tidak bergaduh lagi.

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines, typical of primary school writing paper. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(16) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Tajuk : Perhimpunan murid-murid.

Semua guru dan murid berkumpul di tapak perhimpunan. Guru Besar naik ke atas pentas di tapak perhimpunan untuk berucap. Murid-murid berdiri tegak dan mendengar ucapan Guru Besar dengan teliti.

Guru besar memaklumkan tentang aktiviti gotong-royong yang akan diadakan pada hari Ahad. Murid-murid diminta memaklumkan kepada ibu bapa mereka tentang aktiviti tersebut. Murid-murid juga diingatkan tentang peralatan yang sesuai dibawa semasa melakukan aktiviti gotong-royong.

Pada hari gotong-royong diadakan, ramai ibu bapa hadir ke sekolah. Para ibu bapa, guru dan murid di bahagikan kepada beberapa kumpulan. Ada yang memotong rumput, ada yang mencuci longkang, ada yang menanam bunga, dan ada yang memotong rumput, ada yang mencuci longkang, ada yang menanam bunga, dan ada yang mengecat bangunan sekolah.

Kini kawasan persekitaran sekolah kelihatan bersih dan ceria. Murid-murid berasa bangga melihat keadaan sekolah mereka.

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines, typical of primary school writing paper. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(17) Tulis beberapa pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.